

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### **PATRON**

Prof. Dr. Yamin Yasin

### **COORDINATOR**

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### **CHIEF EDITOR**

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### **EDITORIAL COMMITTEE**

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### **IN THIS ISSUE:**

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

## **OMAK Pupuk Minat Pelajar Sekolah Dekati Matematik**

Ditulis oleh: Nurdia Azlin Ghazali, Nur Amalina Shafie dan Nor Akmal Md Noh

Matematik adalah salah satu subjek yang sering dianggap sukar dikuasai dan juga kurang mendapat sambutan dalam cubaan menguasai ilmu ini. Memupuk minat pelajar untuk meminati dan seterusnya menguasai bidang Matematik adalah sangat penting supaya dapat meningkatkan trend pelajar sekolah menceburi bidang ini di peringkat universiti. Bagi meningkatkan minat pelajar sekolah dalam menguasai bidang Matematik, sekumpulan staf akademik dan mahasiswa Pusat Pengajian Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur (SMAKL) telah mengambil inisiatif menganjurkan program *Outreach Maths Attack (OMAK)* yang bertempat di SMAKL. Program ini telah berlangsung pada 2 Disember 2023 yang lalu dengan pimpinan 8 pensyarah dan 32 mahasiswa serta melibatkan seramai 146 pelajar Tingkatan 3 SMAKL.

Beberapa aktiviti menarik telah dijalankan bersama pelajar SMAKL seperti sesi motivasi dan Eksplorasi Matematik. Semasa sesi motivasi, penceramah telah memberi tip dan kata-kata semangat

dalam mempelajari ilmu Matematik. Pelajar juga telah didedahkan dengan beberapa kaedah belajar secara holistik dalam menguasai ilmu Matematik .

Bagi sesi Eksplorasi Matematik, pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan kecil dan dibantu oleh mahasiswa yang terdiri dari mahasiswa Program Matematik dan Program Statistik. Modul di dalam Ekplorasi Matematik yang dibawa adalah seperti Translasi, *Volume* dan *Crossword Map*.



**Gambar 1: Peserta program OMAK bersama penganjur**

Setiap modul yang dijalankan merupakan aktiviti yang mengaplikasikan kemahiran Matematik. Setiap pelajar dilibatkan dalam mencuba modul tersebut. Pada masa yang sama pelajar perlu berfikir cara menyelesaikan masalah bagi setiap aktiviti tersebut. Dengan ini, secara tidak langsung, pelajar belajar menyelesaikan masalah Matematik melalui kaedah bermain. Pada masa yang sama pelajar memahami konsep Matematik dengan lebih mendalam tanpa tekanan di mana proses pembelajaran berlaku dalam

suasana yang menyenangkan. Pendekatan ini merangsang minda pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta membantu mereka meneroka pelbagai strategi penyelesaian masalah yang merupakan kemahiran penting dalam Matematik.



**Gambar 2. Pelajar sedang mencuba modul dalam sesi Eksplorasi Matematik**

Keterujaan pelajar dalam menyertai aktiviti permainan turut terserlah apabila kesemua kumpulan dapat menamatkan permainan dengan jayanya. Di akhir sesi, hampir kesemua pelajar, menyatakan bahawa mereka amat gembira kerana tidak menyangka dapat mempelajari Matematik dengan kaedah permainan dan merupakan pengalaman yang menyenangkan. Pelajar SMAKL mencadangkan supaya pihak penganjur memperbanyakkan modul seperti yang sedia ada serta menganjurkan lagi program sebegini pada masa akan datang.

Secara kesimpulan, program seperti ini harus diteruskan agar dapat menarik minat pelajar sekolah untuk mengenali dan menguasai Matematik dengan lebih

mendalam serta akhirnya akan menyumbang kepada perkembangan pendidikan dan pembangunan kerjaya dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Seterusnya, menerusi pendekatan ini, pelajar lebih berminat dan terbuka dalam menceburi bidang Matematik di peringkat universiti.